

Hadi akui PM berjaya lakukan reformasi

Oleh Mona Ahmad,
Nazura Ngah dan Rokaid Chik

BH 23/6/03

KUALA TERENGGANU: Pemangku Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang mengakui Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berjaya melakukan reformasi dalam pemerintahan kerajaan Barisan Nasional (BN) termasuk membuka lebih ruang kepada orang Melayu dalam bidang ekonomi.

Hadi berkata, Pas bersetuju dan menyokong apa yang baik dilakukan oleh Perdana Menteri umpamanya sikap yang ditunjukkan terhadap Amerika Syarikat (AS) dalam isu Palestin, nuklear dan hak asasi manusia.

Bagaimana pun, mengulas kenyataan Dr Mahathir yang menganggap Pas bukan parti Islam sebaliknya memeralatkan Islam, Hadi berkata Dr Mahathir tidak mempunyai kelayakan untuk bercakap mengenai Islam kerana beliau bukan ahli dalam bidang berkenaan.

"Kita tidak menafikan dia (Perdana Menteri) ada pencapaian dan ada kelemahan," tambahnya.

"(Walaupun) Saya berasakan saya mengkritik beliau, saya tidak bersetuju beberapa perkara tetapi terdapat beberapa reformasi dalam pemerintahan yang tidak dilakukan pemimpin Umno terdahulu, antaranya usaha beliau (Dr Mahathir) memberi tempat kepada orang Melayu dalam ekonomi," katanya pada sidang media di pejabatnya di sini, semalam.

Hadi yang juga Menteri Besar Tereng-

ganu berkata, usaha memberi lebih peluang kepada orang Melayu dalam bidang ekonomi tidak dilaksana pemimpin terdahulu.

Hadi berkata, Perdana Menteri juga mengambil langkah positif dan tepat apabila menolak bantuan kewangan daripada Tabung Matawang Antarabangsa (IMF).

Katanya, langkah itu adalah tepat kerana ia membantu mengelak ekonomi negara daripada dibelenggu organisasi kewangan antarabangsa yang dimonopoli kuasa besar asing.

Beliau diminta mengulas ucapan penggulungan Dr Mahathir pada Perhimpunan Agung Umno ke-54 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), petang kelmarin.

Dalam ucapan penangguhannya di persidangan Umno itu, Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata, Pas bukan parti Islam tetapi parti yang memeralatkan Islam sehingga sanggup menyalahafsirkan al-Quran demi kepentingan politik mereka.

Bercakap kepada pemberita selepas berceramah di Markas Tarbiah Pas di Rantau Panjang, Kelantan, malam kelmarin, Hadi menyelar Perdana Menteri dengan mendakwa Dr Mahathir bukan seorang yang mengaji Islam, bukan seorang yang ahli dalam ilmu Islam.

Abdul Hadi berkata, beliau tidak hairan dengan tindakan pemimpin tertinggi Umno itu menyerang Pas.

Pas, katanya, tetap berpegang kepada

undang-undang tubuh parti itu iaitu menjadikan hukum Islam sebagai hukum paling tinggi dan mana-mana tindakan yang bercanggah dengan Islam hendaklah dibatalkan.

Katanya, Umno masih berpegang perlembagaan digubal Suruhanjaya Reid.

"Banyak hukum Islam tidak boleh dilaksana kerana diharam oleh perlembagaan yang ditafsir oleh Barat sedangkan kita mahu mentafsir perlembagaan secara merdeka, tidak dibelenggu fahaman Barat," katanya.

Hadi berkata, Pas bersetuju dan menyokong apa yang baik dilakukan oleh Perdana Menteri umpamanya sikap yang ditunjukkan terhadap Amerika Syarikat (AS) dalam isu Palestin, nuklear dan hak asasi manusia.

Ditanya berhubung peralihan pucuk pimpinan Dr Mahathir kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi selepas Oktober ini, Abdul Hadi berkata, Pas akan menjalin hubungan dengan mana-mana Perdana Menteri seperti biasa.

Bagaimanapun, beliau berkata, Pas mengharapkan sistem demokrasi yang diamalkan di negara ini akan dapat dilaksanakan dengan lebih baik.

Sementara itu, Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat menganggap isi ucapan penggulungan Dr Mahathir yang menyentuh Pas sebagai isu lama.

"Ia satu cerita lama yang sudah dijawab, tiada apa yang baru. Saya tidak mahu komen," katanya.